

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

AAW 323 - Perakaunan Pengurusan Lanjutan

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

Perusahaan Marjerin Segera (PMS) merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perusahaan mentega untuk kegunaan industri yang beroperasi secara besar-besaran di kilangnya di Gebeng Kuantan. Sebagai bahan mentah utama iaitu kelapa sawit, PMS membeli minyak kelapa sawit mentah daripada kilang-kilang kelapa sawit daripada seluruh negara. Proses menapis minyak kelapa sawit telah menghasilkan empat gred minyak kelapa pada titik berpecah (splitoff point) iaitu Minyak OA, Minyak OB, Minyak OC dan Minyak OD. Keluaran Minyak OC diproses sepenuhnya pada titik berpecah. Keluaran Minyak OA, Minyak OB dan Minyak OD setiap satu boleh diproses seterusnya menjadi Mentega Gred A, Mentega Gred B dan Mentega Gred D. Dalam bulan Mei 2001, keluaran pada titik berpecah adalah seperti berikut:-

Minyak OA	300,000 liter
Minyak OB	100,000 liter
Minyak OC	50,000 liter
Minyak OD	50,000 liter

Kos bercantum untuk membeli dan memproses minyak kelapa sawit mentah adalah RM100,000. PMS tidak mempunyai inventori awal atau inventori akhir. Jualan bagi Minyak OC dalam bulan Mei adalah RM50,000. Produk Minyak OA, Minyak OB dan Minyak OD diproses seterusnya dan dijual. Maklumat bagi bulan Mei adalah seperti berikut:

	Kos Pemprosesan Boleh Asing (untuk membuat produk Mentega)	Hasil
Mentega A	RM200,000	RM300,000
Mentega B	80,000	100,000
Mentega D	90,000	120,000

Walau bagaimanapun PMS boleh menjual Minyak OA, Minyak OB dan Minyak OD pada titik berpecah. Alternatif ini mungkin boleh mendatangkan hasil seperti berikut untuk bulan Mei:

Minyak A	RM50,000
Minyak B	30,000
Minyak D	70,000

Dikehendaki:

- (i) Kirakan peratus margin kasar untuk setiap produk dijual pada bulan Mei dengan kaedah berikut:
- nilai jualan pada titik berpecah
 - kaedah ukuran fizikal
 - anggaran nilai realis bersih

[13 markah]

- (ii) Dapatkan PMS meningkatkan pendapatan bulan Mei dengan membuat keputusan untuk tidak memproses seterusnya produk Minyak A, Minyak B dan Minyak D? Tunjukkan kesannya melalui pengiraan.

[4 markah]

- (iii) Bezakan antara produk utama, produk bercantum dengan produk sampingan (byproduct).

[3 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Umbut Bayu Boating (UMBAB) merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan bot-bot canggih untuk kegunaan industri perikanan di sekitar pantai Semenanjung Malaysia. Pembuatan bot-bot ini menggunakan lini operasi yang desentralisasi. Setiap bahagian pengeluaran beroperasi sebagai pusat untung yang berasingan. Setiap pengurus bahagian telah diberikan kuasa sepenuh atas semua keputusan berkaitan dengan jualan output kepada pembeli luaran atau bahagian yang lain dalam UMBAB. Sejak beberapa tahun yang lalu, Bahagian Pemasangan membeli komponen enjin daripada Bahagian Pembuatan syarikat tersebut. Walau bagaimanapun setelah dimaklumkan bahawa Bahagian Pembuatan akan meningkatkan harga jualan kepada RM250, pengurus Bahagian Pemasangan bercadang untuk membeli komponen enjin daripada pembekal di luar UMBAB.

Bahagian Pemasangan boleh membeli komponen berkenaan daripada pasaran terbuka dengan harga RM235. Bahagian Pembuatan masih mahu mengekalkan harga berkenaan disebabkan terpaksa menampung caj susnilai yang tinggi kerana telah memasang sebuah peralatan canggih di jabatannya. Pengurus Bahagian Pembuatan merayu kepada pengurusan pihak atasan UMBAB bagi menyokongnya dalam pertelingkahan dengan Bahagian Pembuatan. Untuk menyokong rayuan tersebut, Bahagian Pembuatan menyertakan maklumat operasi seperti berikut:

Pembelian tahunan komponen enjin oleh Bahagian Pemasangan	1500 unit
Kos berubah seunit komponen enjin Bahagian Pembuatan	RM140
Kos tetap seunit komponen enjin Bahagian Pembuatan	RM20

Dikehendaki:

- (a) Andaikan tiada alternatif untuk menggunakan peralatan dalaman UMBAB. Tentukan sama ada syarikat secara keseluruhan mendapat faedah jika Bahagian Pemasangan membeli komponen enjin daripada pembekal di luar pada harga RM235 seunit.

[5 markah]

- (b) Andaikan peralatan dalaman yang digunakan oleh Bahagian Pembuatan tidak berlaku sebarang pemberhentian kerja. Tanpa mengeluarkan 1,500 unit untuk Bahagian Pemasangan, peralatan Bahagian Pembuatan boleh digunakan untuk operasi pengeluaran yang lain dan mampu menjimatkan tunai operasi tahunan sebanyak RM25,000. Haruskah Bahagian Pemasangan membeli komponen enjin dari pembekal dari luar?
[5 markah]
- (c) Andaikan tidak ada alternatif untuk menggunakan peralatan dalaman Bahagian Pembuatan dan dalam masa yang sama harga daripada pembekal luar turun sebanyak RM30. Patutkah pihak pengurusan atasan UMBAB membenarkan Bahagian Pemasangan membeli daripada pihak luar?
[6 markah]
- (d) Nyatakan keadaan yang membuatkan harga pindahan berdasarkan pasaran adalah optimum?
[4 markah]

Soalan 3 (20 markah)

Dato Kamal Amlil Alias mengusahakan syarikat perundingan penyewaan kereta mewah yang beribujejabat di Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah. Syarikat beliau dikenali sebagai CK LamaDulu Sdn. Bhd (CKL) mengkhusus bagi mencari pelanggan untuk menggunakan syarikat-syarikat penyewaan kereta yang terdapat di negara ini. Aktiviti perundingan beliau dan kakitangannya merupakan kepakaran yang disumbangkan bagi memajukan syarikatnya.

Sistem pengkosan kerjanya CKL mempunyai satu kategori kos langsung (buruh profesional) dan satu kategori kos tak langsung iaitu sokongan perundingan yang mengandungi kos dalam Jabatan Sokongan Perundingan. Jabatan Sokongan Perundingan membantu dalam melicinkan aktiviti yang dijalankan oleh juru perunding CKL.

Semua kos sokongan perundingan diperuntukkan kepada setiap kerja yang dilakukan menggunakan jam buruh profesional sebenar. Bagi melicinkan aktiviti perundingan dan memenuhi keperluan pelanggan, CKL mengambil lima belas orang perunding yang terlibat secara langsung. Di samping itu sepuluh orang kakitangan sokongan di Jabatan Sokongan Perundingan memudahkan kerja-kerja dalam menyediakan kemudahan dan laporan juru perunding kepada pelanggan.

Maklumat tentang amaun dibelanjawan dan sebenar untuk tahun 2001 adalah seperti berikut:

Belanjawan untuk tahun 2001

Gaji/Upah Buruh profesional	RM830,000
Kos Jabatan Sokongan Perundingan	RM650,000
Jam buruh profesional dibilkan kepada pelanggan	14,000 jam

Kos sebenar untuk tahun 2001

Kos Jabatan Sokongan Perundingan	RM556,000
Jam buruh profesional dibilkan kepada pelanggan	13,500 jam
Kadar kos buruh profesional sebenar ialah	RM45 sejam

Dikehendaki:

- (a) Kenalpasti kadar kos buruh langsung setiap jam buruh profesional dan kadar kos buruh tak langsung setiap bagi tahun 2001 dengan menggunakan:-
- | | |
|-----------------------------------|--------------|
| (i) pengkosan sebenar | [3 markah] |
| (ii) pengkosan normal | [3 markah] |
| (iii) pengkosan normal “extended” | [3 markah] |
- (b) Kerja perundingan ke atas JungLama Sdn. Bhd. yang dibelanjawankan pada tahun 2001 menggunakan masa buruh profesional sebanyak 120 jam. Masa buruh profesional sebenar adalah 128. Kirakan kos kerja tahun 2001 dengan menggunakan:-
- | | |
|-----------------------------------|--------------|
| (i) pengkosan sebenar | [3 markah] |
| (ii) pengkosan normal | [3 markah] |
| (iii) pengkosan normal “extended” | [3 markah] |
- (c) Jelaskan kenapa terdapat perbezaan dalam (b)? [2 markah]

Soalan 4 (20 markah)

- (a) Harimau Kuat merupakan syarikat yang membuat dua jenis ketuhar gelombang mikro yang berjenama KGM-1 dan KGM-2. Sepanjang bulan Februari, aktiviti berikut berlaku:

	KGM-1	KGM-2
Unit sebenar dijual	20,000	80,000
Unit dibelanjawankan dijual	17,640	66,360
Harga jualan sebenar	RM100	RM158
Harga jualan dibelanjawakan	RM90	RM156

Dikehendaki:

- | | |
|--|--------------|
| (i) Tentukan varians jumlah campuran jualan | [4 markah] |
| (ii) Tentukan varians jumlah kuantiti jualan | [4 markah] |
| (iii) Tentukan varians jumlah volum-jualan | [4 markah] |

- (b) (i) Jelaskan maksud “management by exception” dan mengapakah pengurus harus berhati dalam menyiasat varians?

[4 markah]

- (ii) Bincangkan punca berlakunya varians yang menguntungkan

[4 markah]

Soalan 5 (20 markah)

- (a) Jelaskan bagaimana belanjawan dapat dibentuk sebagai alat kawalan pengurusan dalam sesebuah organisasi?

[6 markah]

- (b) Sistem kawalan pengurusan merupakan aktiviti yang dapat memberikan panduan kepada pengurusan untuk mencapai matlamat organisasi. Jelaskan peranan sistem kompensasi dan insentif dalam membantu pengurusan mencapai matlamat organisasi.

[8 markah]

- (c) Jelaskan peranan perakaunan pengurusan strategik di dalam sesebuah firma. Bagaimanakah perakaunan pengurusan strategik dapat membantu pihak pengurusan merangka satu sistem perakaunan pengurusan yang dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan?

[6 markah]